



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008

### MAJLIS MESRA PERBADANAN PUTRAJAYA BERSAMA KOMUNITI 2023

Putrajaya, 16 Ogos 2023 – Presiden Perbadanan Putrajaya YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud telah menyempurnakan Majlis Mesra Perbadanan Putrajaya Bersama Komuniti 2023 hari ini di Bilik Serba Guna, Kompleks Kejiranan Presint 9, Putrajaya.

Seramai 150 orang pemimpin komuniti telah hadir ke majlis ini yang terdiri dari pemimpin komuniti daripada Persatuan Penduduk, Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Ketua-ketua Blok, Ahli Jawatankuasa Surau dan *Joint Management Body* (JMB) dari lokaliti presint 9, Putrajaya dibawah seliaan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Subzon 2 dan Subzon 6.

Tujuan utama program ini adalah untuk mendapatkan pandangan, maklum balas, dan cadangan daripada pemegang taruh khususnya pemimpin-pemimpin komuniti Putrajaya berkenaan penyampaian perkhidmatan Perbadanan Putrajaya dan agensi-agensi yang berkaitan.

Majlis mesra ini turut sinonim dengan sesi turun padang warga PPj dan agensi untuk memperkukuhkan hubungan, bertukar pandangan dan berkolaborasi dalam memajukan Putrajaya di masa hadapan. Ianya juga merupakan salah satu usaha untuk mendekati dan *outreach* kepada lebih ramai pemimpin komuniti ke arah mengeratkan silaturrahim dan memastikan keharmonian serta kemakmuran terus berkembang erat di Putrajaya. Di samping itu, ia menggalakkan penglibatan dan peranan komuniti Putrajaya dalam pelaksanaan program kemasyarakatan melalui sumbangan idea, sekali gus membentuk “**sense of belonging**” dan “**sense of identity**” kepada kawasan persekitaran khususnya Putrajaya.

Agensi yang turut bersama di majlis ini adalah Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya, Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia Daerah Putrajaya, Pejabat Kesihatan Daerah Wilayah Putrajaya, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Wilayah Persekutuan Putrajaya, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah (MPPWP) Zon Putrajaya.



**(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 16 Ogos 2023

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564